



Kidzania dapat rakan kongsi baharu

» 22

PS Poly Plastic tembusi Asia Barat

» 21



Bisn

ASNB



ASN
RMO.8527



ASN 2
RML.1480



ASN 3
RML.0694



ASG-PENDIDIKAN
RML.0506



ASG-PERSARAAN
RML.1336



ASG-KESIHATAN
RML.0957



ASB
Ditanggung



ASW 2020
RML.0000



ASM
RML.0000



AS
RML

EJA labur RM40 juta bina pusat selenggara jet di Senai

JOHOR BAHRU 20 Dis. - Executive Jets Asia Sdn. Bhd.(EJA) yang menawarkan perkhidmatan sewa jet, melabur RM40 juta untuk membina bangunan tempat menyimpan dan menyelenggara kapal terbang di Taman Aeroangkasa Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai dekat sini.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah EJA, Prithpal Singh berkata, pelaburan untuk tempoh tiga tahun itu melibatkan pembinaan 93,000 kaki persegi bangunan tersebut di atas tanah seluas 1.8 hektar bermula bulan ini dan dijangka siap November tahun depan.

Menurutnya, apabila siap kelak ia mampu memuatkan dua buah pesawat Airbus 320 atau Boeing 737 dan beberapa jet eksekutif pada satu-satu masa, selain menyediakan ruang menunggu dan pejabat moden serta selesa kepada pengguna termasuk kakitangan penerbangan.

“Antara perkhidmatan yang kita tawarkan adalah pembaikan dan baik pulih (MRO) kapal terbang, mengecat semula dan membaik pu-



PRITHPAL Singh (tengah), Hilmi Mohd Nashir (tiga dari kiri) dan Suffian Baharuddin (dua dari kiri) melakukan Majlis Pecah Tanah bangunan tempat menyimpan dan menyelenggara kapal terbang di Taman Aeroangkasa Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, semalam.

lih bahagian dalaman dan sokongan logistik kepada jet eksekutif, sekali gus memperluaskan perkhidmatan ditawarkan sebelum ini.

“Pada masa sama kita juga me-

nawarkan perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan kepada pemilik jet eksekutif atau jet peribadi,” katanya pada majlis pecah tanah bangunan tersebut dekat sini hari ini.

Turut hadir, Naib Ketua Pegawai Eksekutif Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd., Suffian Baharuddin; Ketua Pegawai Operasi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangu-

nan Iskandar (IRDA), Hilmi Mohd. Nashir dan Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Johor, Zainal Abdul Rahman.

Prithpal Singh berkata, EJA mula bertapak sebagai sebuah syarikat yang diwujudkan untuk memenuhi permintaan bagi perniagaan sewa udara korporat menggunakan jet-jet eksekutif dan pemindahan pesakit ke hospital-hospital di Asia pada 2006.

Menurutnya, EJA memulakan operasi di Lapangan Terbang Seletar di Singapura dan selepas lima tahun ia membuat keputusan untuk mengalihkan pusat operasi syarikat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai kerana menawarkan ruang dan kemudahan lebih baik berbanding sebelum ini.

“Malah, pemindahan operasi syarikat ini juga mampu mengembangkan lagi perniagaan kami untuk dikenali, sekali gus menyasarkan pulangan sebanyak RM35 juta pada tahun pertama beroperasi berbanding RM25 juta setahun yang diperoleh sebelum ini,” katanya.